



HARUN (duduk, enam kiri) bersama Kadim (duduk, lima kanan) merakamkan gambar kenangan bersama tetamu kehormat lain.

UMS dan Unimas sumbang peruntukan geran RM250,000

Oleh **YAP SIONG HAN**

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) masing-masing akan menyumbangkan peruntukan geran penyelidikan sebanyak RM250,000 untuk tempoh dua tahun.

Kedua-dua universiti itu menjalankan satu Memorandum Perjanjian (MoA) yang diadakan di sini kelmarin.

UMS diwakili Naib Canselor Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan Unimas diwakili

Naib Canselor Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi.

Bidang penyelidikan dalam geran peruntukan itu adalah Sains Tulen, Sains Tabii dan Warisan Negara, Sains Kesihatan dan Klinikal serta Sains Sosial.

Antara objektif perjanjian termasuklah mengukuhkan kerjasama penyelidikan antara kedua-dua universiti, menyokong agenda penyelidikan untuk membina kepakaran, tingkatkan amaun dan kualiti penyelidikan serta tingkatkan bidang penerbitan.

Dalam tempoh dua tahun itu, kedua-dua univesiti

mensasarkan pencapaian seperti peruntukan sehingga RM140,000 akan menghasilkan sekurang-kurangnya empat artikel dalam jurnal berindeks ISI/Scopus/ERA yang diiktiraf oleh MyRA.

Dalam peruntukan sehingga RM100,000, sekurang-kurangnya kedua-dua universiti itu dapat menghasilkan dua artikel jurnal berindeks ISI/Scopus/ERA yang diiktiraf oleh MyRA.

Kedua-dua universiti juga perlu melahirkan modal insan, pelajar sarjana daripada setiap universiti.



HARUN (tiga kiri) bertukar dokumen dengan Kadim selepas MoA dijalankan .